



Hindari muat naik kandungan negatif, tipu siber

Ogos 16, 2023 @ 4:45pm

KUALA LUMPUR: Kemajuan teknologi digital, perkembangan media sosial ternyata membawa risiko ancaman kejahatan dunia maya, terutamanya penyebaran kandungan berunsur provokasi selain sindiket penipuan dalam talian atau 'scam'.

Sikap tidak bertanggungjawab segelintir pengguna media sosial di Malaysia memuat naik kandungan yang berbaur provokatif dan penuh dengan kebohongan boleh mengancam keselamatan, menimbulkan keresahan dan menggugat ketenteraman awam.

Sebagai contoh, penyalahgunaan aplikasi TikTok oleh segelintir pengguna yang memuat naik semula kandungan merujuk kepada kejadian keganasan kaum 13 Mei 1969, selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) lalu.

Berdasarkan statistik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sebanyak 2,113 rakaman yang bersifat provokasi dan juga ekstremis telah dipadam secara proaktif bersandarkan sistem kecerdasan buatan (AI) dan moderator kandungan di TikTok semasa PRU-15 hingga 26 November tahun lalu.

Kerjasama strategik antara penyedia aplikasi bersama SKMM wajar terus diperkasa bagi membendung konten berunsur provokasi dan ekstremis yang mudah untuk dikongsi dan disebarluaskan.

Sebarang kandungan dalam talian yang bersifat palsu dan mengancam keselamatan orang ramai adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998.

Kegiatan scam juga tidak kurang hebatnya, berdasarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), penipuan cinta atau 'Love Scam' antara penipuan tertinggi di negara ini apabila mencatatkan kerugian RM365 juta sejak 2018 sehingga Februari lalu membabitkan sebanyak 7,286 kes.

Walaupun sering dilakukan pendedahan, kes membabitkan penipuan dalam talian masih meningkat dan ia menunjukkan kadar kesedaran masyarakat berhubung jenayah sedemikian belum menyeluruh.

Jika mengetahui modus operandi atau taktik yang sering digunakan oleh sindiket, risiko menjadi mangsa dapat dikurangkan.

Jangan cepat teruja jika menerima berita gembira seperti memenangi hadiah lumayan atau sejumlah wang yang banyak.

Ketika ini, bagi mengekang kegiatan scam di negara ini pelaku boleh disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Akta ini memperuntukkan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari sepuluh tahun, dan dengan sebat, dan hendaklah juga dikenakan denda.

Usah panik, lapor segera

Pada masa sama, tidak panik atau takut apabila diberitahu perkara seperti akan ditangkap pihak berkuasa kerana terbabit dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang.

Hubungi atau lapor segera aktiviti mencurigakan itu melalui saluran yang disediakan oleh pihak berkuasa.

Selain itu Kempen Pencegahan Jenayah Komersial Dalam Talian wajar terus diperkasa pihak berkuasa dengan menjadikannya sebagai acara tahunan dalam usaha membentuk kesedaran awam tentang modus operandi sindiket penipuan dalam talian.

Kolaborasi antara SKMM dan PDRM wajar terus diperkasa dalam perkongsian maklumat dan kepakaran dalam melancarkan gerak kerja dan penguatkuasaan untuk menangani isu penyalahgunaan media sosial dengan lebih efektif.

Bagi mangsa jenayah ini, laporan polis perlu segera dilakukan selain menyimpan sebarang bukti yang berkaitan termasuk mesej teks, tangkap layar skrin, rakaman audio panggilan atau apa sahaja maklumat berkaitan yang boleh membantu siasatan pihak berkuasa.

Meskipun pembanterasan jenayah scam bukanlah mudah tetapi tidak mustahil untuk dilakukan.

Namun, pihak kerajaan wajar menggubal undang-undang sedia ada yang berkaitan dengan jenayah penipuan, komunikasi dan kewangan supaya lebih relevan dengan masa kini.

Ia termasuk mengambil kira elemen platform penipuan itu dilakukan yakni jenayah scam pada masa kini menggunakan platform komunikasi dan internet.

Mengambil kira situasi pada masa kini dalam menggubal sesuatu undang-undang membolehkan pihak berkuasa menjalankan proses siasatan dengan lebih menyeluruh dan proses pendakwaan lebih lancar.

Selain itu, hukuman yang dikenakan juga perlu lebih berat daripada hukuman sedia ada.

Ketika ini, bagi mengekang kegiatan scam di negara ini pelaku boleh disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Akta ini memperuntukkan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari sepuluh tahun, dan dengan sebat, dan hendaklah juga dikenakan denda.